

KOSMO (Negeri) Sabtu 28/6/08 m/s 11

Dua IPTA dalam 50 terbaik

MELAKA - Kementerian Pengajian Tinggi mahu sekurang-kurangnya dua buah universiti tempatan berada dalam *ranking* 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, langkah ke arah itu harus dimulakan sekarang jika mahu universiti tempatan mencapai taraf universiti ternama seperti Oxford dan Cambridge di United Kingdom serta Yale di Amerika Syarikat.

"Universiti tersebut telah lama diwujudkan dan jika universiti tempatan hendak mencapai taraf yang sama, usaha perlu dimulakan sekarang dengan sistem penarafan tersendiri," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin.

Menurut Idris, sistem penarafan itu tidak menggunakan kaedah persepsi seperti di-

lakukan Times Higher Education Supplement-Quacquarelli Symonds (THES-QS), tetapi menilai secara objektif keupayaan sebuah universiti itu.

"Kriteria penilaian termasuk bilangan pensyarah yang memiliki Ph.D, jumlah kursus yang ditawarkan serta kajian dan kertas kerja yang dibentangkan," ujarnya.

Sementara itu, ketika mengulas sasaran menjadikan nisbah 50 ahli sains dan jurutera penyelidik (RSE) bagi setiap 10,000 tenaga buruh pada 2010, Idris berkata, usaha ke arah itu telah giat dijalankan.

"Buat masa ini terdapat empat universiti teknikal di seluruh negara iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

"Universiti tersebut khusus menghasilkan graduan dalam bidang kejuruteraan dan teknikal dan saya yakin sasaran tersebut mampu dicapai," katanya.